

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 July 2015

Zakat tingkat ekonomi

um - 3/7/2015

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
hussaini.amran@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 2 JULAI**

KEBERKESANAN dasar-dasar yang dilaksanakan kerajaan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi umat Islam di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kesan positif itu dibuktikan menerusi peningkatan jumlah kutipan zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) setiap tahun.

Menurut beliau, kutipan zakat MAIWP tahun ini melonjak kepada RM585 juta berbanding RM532 juta tahun lalu dan RM100 juta pada 2010.

"Ini bererti ekonomi umat Islam bertambah baik dan pentadbiran serta dasar-dasar negara kita mestilah betul dan tepat.

"Kalau dasar kita tidak membawa kepada kejayaan positif, tidak mungkin ekonomi umat Islam akan bertambah positif lagi," katanya ketika berucap merasmikan majlis penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada asnaf Baitulmal MAIWP di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha dan Ketua Pegawai Eksekutif

MAIWP, Datuk Zainal Abidin Jaffar.

Pada majlis berkenaan, Najib menyempurnakan penyampaian bantuan Aidilfitri berjumlah RM18.27 juta sumbangan MAIWP kepada sebanyak 53,880 penerima zakat di sekitar Wilayah Persekutuan.

Daripada jumlah itu, 24,360 orang merupakan golongan asnaf fakir dengan jumlah sumbangan RM8,851,000 diikuti 20,010 orang dari kategori asnaf miskin dengan jumlah RM6,926,000 manakala seramai 9,510 muallaf menerima RM2,491,000.

Perdana Menteri turut melancarkan Pelan Perlindungan Takaful Asnaf Baitulmal MAIWP dengan nilai caruman keseluruhan RM600,000 yang menawarkan manfaat antara RM2,000 hingga RM5,000 kepada 20,000 penerima zakat.

Selain itu, beliau melancarkan Kaunter Bergerak MAIWP yang bertujuan memudahkan proses permohonan zakat dan merasmikan program penyerahan buku ilmiah kepada masjid-masjid serta surau-surau di Wilayah Persekutuan.

Perdana Menteri menambah, faktor lain seperti pengurusan berkesan, kaedah potongan bulanan, kesedaran umat Islam dan kecekapan pentadbiran juga menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan zakat.

Sementara itu, beliau menyelar perbuatan segelintir umat Islam di negara ini yang tidak menjaga hubungan silaturahim sesama sendiri.

"Sembahyang tidak tinggal tetapi jadi batu api, fitnah, adu domba dan menghancurkan perpaduan," ujarnya.